

17/05/2001

Umno Terengganu masih ada peluang

Ruslan Abdul Rahman

PEMILIHAN jawatan penting Umno bahagian sudahpun selesai dan menyaksikan empat bahagian Umno di Terengganu bertukar pucuk pimpinan apabila diterajui muka baru, manakala empat ketua lama kekal.

Umno bahagian yang diterajui ketua baru ialah Besut, Kuala Terengganu, Kemaman dan Dungun, manakala ketua lama yang masih diberi kepercayaan menerajui bahagian ialah Hulu Terengganu, Kuala Nerus, Marang dan Setiu. Umno bahagian Besut diterajui Datuk Idris Jusoh selepas Datuk Dr Yusof Nor melepaskan jawatan itu untuk dilantik naib ketua.

Bekas ahli Exco kerajaan negeri, Ahmad Said pula adalah muka baru yang menerajui bahagian Kemaman selepas mengalahkan Datuk Abu Bakar Ali yang memangku jawatan itu selepas dikosongkan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang dilantik Duta ke Arab Saudi.

Di Dungun, Senator Rosli Mat Hassan sebagai ketua bahagian selepas menang tidak bertanding jawatan itu kerana mencapai penyelesaian secara kompromi dengan Awang Jabar (sekarang Timbalan Ketua bahagian). Begitu juga Roslan Awang Chik yang menang tanpa bertanding di bahagian Kuala Terengganu dan Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh sebagai timbalannya.

Bekas Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Tengku Mahmud Mansor juga menang tanpa bertanding untuk Ketua Umno bahagian Setiu. Timbalannya, Mohd Jidin Shafie juga tidak ditandingi untuk Timbalan Ketua bahagian.

Begitu juga dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Takir, Datuk Abdul Rashid Ngah, Rahin Datuk Mohd Said dan Nasir Tan Sri Ibrahim Fikri yang menang tanpa bertanding untuk jawatan ketua, timbalan dan naib ketua bahagian Kuala Nerus.

Datuk Muda Mamat pula menang untuk kekal Ketua Umno bahagian Marang mengalahkan Abdul Rahman Bakar, Datuk Dr Abdul Latif Awang (timbalan) dan Nik Dir Nik Wan Ku (naib). Dr Abdul Latif yang dicabar Rozi Mokhtar menang untuk timbalan ketua, manakala Nik Dir Nik Wan Ku sebagai naib ketua selepas menewaskan Alias Abdullah.

Bagaimanapun, sejauh mana kemampuan Umno bahagian, termasuk yang diterajui ketua lama atau baru untuk menawan semula Terengganu daripada Pas masih terlalu awal untuk dinilai.

Ini banyak bergantung kepada kewibawaan mereka bagi menyatukan semula ahli Umno, terutama mereka yang kalah pada pemilihan itu. Walaupun begitu, jangan pula `menang sorak kampung tergadai'. Menang pada pemilihan Umno tidak semestinya menang pada pilihan raya umum kerana kesungguhan mereka tidak seimbang dengan kempen dalam perebutan jawatan dalam parti.

Pengalaman lalu membuktikan keghairahan menjadikan mereka alpa sehingga menyebabkan hampir semua kerusi dimenangi Pas pada pilihan raya umum lalu, manakala BN hanya mempertahankan empat kerusi iaitu DUN Seberang Takir, Telemong, Ajil dan Kemasik.

Jika pergeseran angka perebutan jawatan pada peringkat bahagian tidak dicantumkan segera, nescaya sukar bagi BN merealisasikan hasrat menawan semula negeri daripada Pas.

Oleh itu, mereka yang kalah hendaklah tidak terus berdendam, manakala yang menang tidak bertindak memulau dan menganggap lawan masing-masing sebagai `musuh'. Sewajarnya mereka yang kalah turut diberi tempat dalam jawatankuasa peringkat bahagian.

Mereka yang diberi kepercayaan ahli Umno yang dipertanggungjawabkan menentukan kejayaan BN pada pilihan raya umum pada 2004 nanti, bukannya berniat untuk mendapat projek serta berpeluang cerah menjadi perwakilan ke

perhimpunan agung Umno nanti.

Strategi, perancangan dan gerak kerja perlu dilakukan dari sekarang supaya Umno dan BN dapat berkuasa semula di Terengganu. Masa untuk berseteru dan 'mengasah parang' bagi mencantas sesama sendiri sudah berlalu. Hayatilah saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa 'yang menang itu tidak semua menang dan yang kalah itu tidak semua kalah' kerana yang pasti masing-masing mempunyai penyokong dan pengaruh.

Yang tidak terpilih perlu menerima kenyataan dengan hati terbuka, kerana tidak hanya kerana jawatan membolehkan kita berjuang dan berkhidmat kepada parti, agama, bangsa dan negara. Hatta sebagai ahli biasa sekali pun, masih ada ruang untuk berbakti kepada parti dan masyarakat.

Mereka yang menang pula perlu menghormati yang kalah, kerana yang kalah juga mempunyai pengikut dan berpengaruh dan mereka perlu didekati supaya menjelang pilihan raya umum akan menjadi tenaga penting parti.

Ingatlah majoriti kemenangan seseorang calon tidak begitu tinggi pada pilihan raya umum di Terengganu, termasuk pada 1999 yang lalu. Misalnya di DUN Bukit Besi, pada pilihan raya umum 1999, Pas hanya menang dengan majoriti 87 undi. Oleh itu, setiap undi amat berharga, apatah lagi kalau pengundi itu dari kalangan ahli Umno sendiri yang tidak boleh dibiarkan mereka rasa disisih. Kini masanya untuk seluruh saf kepemimpinan Umno Terengganu sama ada yang baru atau yang lama berpadu menghadapi musuh utama iaitu Pas. Oleh itu, bersatu dan bersetia di bawah kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan Datuk Idris Jusoh sebagai timbalannya.

Pengurusan di bahagian perlu dimantapkan, sama ada di bawah kepemimpinan baru atau lama. Jangan wujudkan kumpulan dalam kumpulan sehingga menyebabkan Umno yang besar menjadi kecil.

Mereka yang berpotensi dan mampu menunaikan tugas harus diberi tanggungjawab tanpa mempersoalkan kumpulan dan kecenderungan mereka ketika pertandingan atau pemilihan lalu. Bahkan calon yang kalah (dalam pemilihan Umno) sekali pun kalau berpotensi dan mampu memberi sumbangan perlu dilantik dan diberi tugas tanpa rasa dendam dan curiga.

Pertanyaan 'dia orang kita atau tidak' tidak timbul, yang penting mereka boleh bekerja dan membantu parti. Kesungguhan ketika berlawan dalam Umno hendaklah turut diamalkan ketika kempen pilihan raya umum nanti.

Ahli tidak perlu taksu kepada hanya seorang pemimpin tetapi pemimpin juga tidak boleh taksu dan mendengar pendapat seorang dua pengikutnya dalam membuat sesuatu keputusan ataupun program parti.

Konsep syura yang diamalkan dalam Islam perlu diutamakan. Jangan pula apabila menjadi ketua cuba menggunakan kuasa veto untuk mematikan kerjaya politik seseorang yang berwibawa dan menjadi aset kepada parti.

Dalam era teknologi maklumat (IT), Umno Terengganu tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa ia penting dimanfaatkan sepenuhnya. Sistem kerja cara 'manual' tidak lagi sesuai dan perubahan perlu dilakukan segera.

Penggunaan e-mel sebagai penghubung di kalangan pimpinan dan ahli Umno mesti diperluaskan, supaya tidak timbul lagi seseorang itu tidak hadir ke sesuatu program hanya kerana surat panggilan mesyuarat atau jemputan tidak sampai. Kelemahan Umno Terengganu menggunakan komputer secara lebih cekap untuk menyemak daftar pemilih di pusat mengundi pada pilihan raya umum lalu perlu dijadikan pengajaran.

Bahagian penerangan Umno di bahagian amat perlu dipertingkatkan. Penggunaan multimedia harus diwujudkan supaya tidak hanya bergantung kepada ceramah rutin yang bersandarkan retorik semata-mata.

Golongan muda termasuk puteri Umno hari ini mempunyai kelainan dengan zaman 1960-an atau 1970-an. Oleh itu jangan kita hidangkan Umno kepada mereka dengan hidangan lalu yang tidak memenuhi selera mereka.

Generasi zaman Internet atau siber harus didekati dengan cara sesuai

supaya Umno tidak dianggap hanya untuk golongan veteran.

Ketua Penerangan Umno negeri, Nasir Ibrahim Fikri akan menjayakan hasrat Idris dan memperkenalkan Alhaq Online ([www.alhaqdaily.com](http://www.alhaqdaily.com)) untuk menyampaikan maklumat secara cepat dan tepat.

Selepas ini diharapkan wujud banyak lagi laman web yang pro-Umno bagi menyaingi laman web pembangkang, khususnya yang diwujudkan penyokong dan pendukung Umno di Terengganu.

Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno di Terengganu pula perlu menjadi sayap yang berfungsi untuk mencemerlangkan parti.

Pas tidak boleh gah dengan memerintah negeri kerana rakyat sudah mula hilang keyakinan kerana banyak lagi janji dalam manifesto belum ditunaikan. Terpulang kepada kebijaksanaan Umno Terengganu untuk merebut peluang pada pilihan raya umum 2004.